

# Jabatan Bendahari UMP jagoan bola tampar

Hm( ARENA )

m/s 71

26/3/14 (RABU)

Oleh Asrol Awang

sukan@hmetro.com.my

**Kuantan:** Pasukan Jabatan Bendahari muncul juara Kejohanan Bola Tampar Lelaki Tertutup Piala Bendahari Universiti Malaysia Pahang (UMP) Edisi Kesembilan di Kompleks Sukan UMP, di sini, baru-baru ini.

Lebih manis, apabila jabatan itu merampas kembali gelaran yang pernah dimenangi pada 2012 selepas menewaskan Jabatan Canseleri/Jabatan Hal Ehwal Akademik 26-24, 25-21.

Pada kejohanan itu, tempat ketiga diraih Jabatan Penyelidikan dan Inovasi yang menyaksikan 22 pasukan menyerai kejohanan berkenaan anjuran Kelab Kebajikan Staf Bendahari (KASTURI), Jabatan Bendahari UMP.

Sementara itu, kategori wanita menyaksikan Jabatan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam /Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta muncul juara.

Kejayaan itu diraih selepas menewaskan Jabatan Perpustakaan manakala tempat ketiga dimenangi Jabatan Bendahari.

Kategori wanita menyaksikan sebanyak 11 pasukan bertanding.

Pada kejohanan itu, juara bagi kedua-dua kategori menerima piala pusngan, medal dan hamper manakala naib juara dan tempat ketiga masing-masing menerima medal dan hamper.

Hadiyah disampaikan Bendahari UMP, Zainudin Othman.